

PETRONAS tak ambil mudah kenaikan harga minyak

Byt 05/03/2018 Ms.23

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin berbulat santai mengenai pelbagai isu ketika taklimat pengarang hampir dua jam yang diadakan di ibu pejabat syarikat minyak dan gas negara itu yang terletak di Menara Berkembar PETRONAS, baru-baru ini

Oleh Lokman Mansor
lokman.mansor@nstp.com.my

Syarikat minyak negara, PETRONAS akan melabur dan berbelanja secara berhati-hati pada 2018 walaupun harga minyak dunia meningkat sejak beberapa bulan kebelakangan ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin, berkata PETRONAS sudah merangka bajet berdasarkan anggapan harga minyak di bawah AS\$60 satu tong.

"Beberapa perunding mengunjurkan (harga) lebih tinggi daripada itu, namun kemudian menukar unjuran pada setiap tiga bulan. PETRONAS tidak boleh berbuat demikian. Kami perlu menjadi lebih berhemat," katanya pada taklimat pengarang sebelum pengumuman keputusan kewangan tahunan PETRONAS, baru-baru ini.

Harga minyak pada masa ini berlegar kira-kira AS\$67 satu tong, daripada paras

Wan Zulkiflee berkata, Indeks Kos Hulan Global, yang digunakan oleh sebahagian pelabur untuk menjejaki kos dalam sektor minyak dan gas (O&G), juga mula meningkat selepas susut sejak 2014. "Inilah menjadi kebingungan saya. Adalah bagus jika industri O&G kita tidak mengikut trend sedemikian (kenaikan kos). Jika kita boleh lagi menjadi daya saing, kita boleh mendapatkan lebih banyak projek," tambahnya.

Tingkat daya saing

Beliau mengakui bahawa dengan harga minyak lebih tinggi, beberapa penyedia perkhidmatan mungkin menjangkakan caj mereka akan sejajar meningkat, namun ia tidak semestinya berlaku.

Wan Zulkiflee berkata, penyedia perkhidmatan O&G sepatutnya tidak memandang caj mereka semata-mata, mengikut fungsi harga minyak.


"Saya berasakan kos adalah salah satu bahagian yang perlu diusahakan seluruh industri untuk menjadikan kita semua berdaya saing setinggi yang boleh. Inilah



PRESTASI KEWANGAN PETRONAS

Aliran tunai TK2017

RM bilion



Aliran keluar bersih


- Aliran keluar tunai bersih lain
- Dividen kepada kerajaan
- Dividen kepada kepentingan bukan kawalan
- Pelaburan modal

Aliran masuk bersih

- Tunai daripada operasi
- Tunai daripada pembiayaan

Perkara penting

- » Jumlah aset RM599.8 bilion (↓ 0.6%)
- » Ekuiti pemegang saham RM389.8 bilion
- » Tunai dan pelaburan dana RM136.5 bilion
- » Pinjaman RM64.1 bilion
- » Leverage 16.1% (↓ daripada 17.4%)
- » ROACE³ 9.8% (↑ daripada 5.4%)



Nota:

¹ Berbanding 31 Disember 2016

² Setakat 31 Disember 2016

³ ROACE adalah metrik yang mengukur keuntungan sebelum perbelanjaan faedah, selaras dengan definisi yang digunakan oleh Bursa Malaysia